

29 OCT 2003

Melaka-Mahathir

RAKYAT DAN KERAJAAN MELAKA UCAP TERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR

MELAKA, 29 Okt (Bernama) -- Kerajaan dan penduduk negeri Melaka mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terutamanya kerana membantu membangunkan negeri itu sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, Melaka dahulunya dianggap sebagai negeri mundur tetapi kini dengan bantuan kerajaan pusat dan Dr Mahathir sendiri, Melaka membangun dengan pesat dan menjadi antara negeri yang membangun pesat di Malaysia.

"Banyak bantuan telah diberikan oleh Dr Mahathir kepada Melaka terutamanya dalam pembinaan masjid dan surau, membantu menyelesaikan krisis air akhir tahun 80-an, membantu dari segi ekonomi seperti projek kereta Honda di Pegoh, syarikat membuat komponen kapalterbang iaitu CTRM Bhd, Petronas dan sebagainya," katanya.

Dr Mahathir, Perdana Menteri keempat negara yang dilantik ke jawatan itu pada 1981 akan bersara pada Jumaat ini dan akan digantikan oleh timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Untuk memastikan ucapan terima kasih itu disertai oleh seluruh rakyat dan kakitangan kerajaan, kerajaan negeri melalui Exco dan jabatan-jabatan kerajaan akan mengadakan perjumpaan di jabatan masing-masing pagi esok dengan pelbagai acara mengingati jasa Dr Mahathir, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini, hari ini.

Mohd Ali berkata di samping itu, Kerajaan Negeri juga melancarkan poskad ucapan terima kasih kepada Dr Mahathir dan ucapan selamat datang kepada Abdullah sebagai Perdana Menteri kelima Malaysia akan dilancarkan esok di Seri Negeri.

"Poskad yang dicetak oleh Malacca Tropical Fruit Farm akan dijual pada harga RM1 sekeping dan orang ramai boleh membeli dan menghantar ucapan kepada kedua-dua pemimpin negara melalui poskad berkenaan," katanya.

Beliau berkata selain itu, kerajaan juga mengatur untuk menjemput Dr Mahathir ke Melaka dalam satu majlis menghargai beliau kerana telah membantu membangunkan negeri itu selama ini.

"Majlis itu akan diadakan dalam bulan Ramadan atau selepas raya ini bergantung kepada kelapangan Dr Mahathir sendiri," katanya.

Selain itu, dalam masa terdekat ini Kerajaan Negeri juga akan turut menjemput Abdullah untuk meraikannya dalam satu majlis kesyukuran kerana perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri kelima.

"Kita harap, kedua-dua tokoh yang telah banyak berjasa kepada Melaka dapat menghadiri majlis yang dianjurkan itu yang turut disertai oleh rakyat negeri ini," katanya.

Mohd Ali berkata sebagai mengingati pengorbanan Dr Mahathir kepada negeri itu, sebuah buku bertajuk "Dr Mahathir dan Melaka: Sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri" akan diterbitkan tidak lama lagi.

Menurutnya buku itu akan ditulis oleh seorang penulis iaitu Peter Imran Anderson dengan kos sebanyak RM200,000 dan dicetak sebanyak 5,000 naskhah untuk diagihkan kepada jabatan kerajaan dan dijual kepada orang ramai.

-- BERNAMA

SBS PR